

Jan 2020



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

79

th
ISSUE

info kampus

UITM SARAWAK BULLETIN



SELAH "AN OPEN BOOK"

Oleh: Shirley Sinatra Gran



Pada 5 Oktober 2019, Program Selah yang mengangkat tema "An Open Book" telah dianjurkan oleh Jawatankuasa Perwakilan Pelajar Kristian (JPPK), UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah. Program ini dianjurkan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran akan kepentingan keseimbangan rohani di dalam kehidupan kita. Program ini juga memberi peluang kepada pelajar untuk membuat refleksi diri berteraskan kerohanian. JPPK telah menjemput Brother Peter Paris, *Sarawak Regional Team Leader bagi Fellowship of Evangelical Student (FES)* untuk menyempurnakan program ini. Program dimulakan dengan penerangan pengertian Selah oleh Brother Peter. Para peserta kemudian diberikan masa untuk bermeditasi dan membuat refleksi diri. Selesai bermeditasi, peserta diberi peluang untuk membuat perkongsian hasil daripada refleksi mereka. Program ini telah disertai oleh 32 orang pelajar dari berbagai fakulti.

Hari Keluarga UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah 2019

Oleh: Siti Faridah Kamaruddin, Pengiran Saifudzin Pengiran Mahtar, Amirah Khairunnisa Mohamad

Program Hari Keluarga telah dianjurkan oleh Jawatankuasa Penganjur Hari Keluarga #kitaUiTM 2019 pada 7 Disember (hari Sabtu) yang lalu. Program ini bertujuan memberi ruang untuk saling kenal-mengenal dan mengeratkan hubungan silaturahim di kalangan pensyarah, kakitangan bersama ahli keluarga dan menyemarakkan lagi semangat kerjasama, hormat-menghormati dan menanam nilai-nilai murni melalui aktiviti yang dijalankan.

Program ini dimulakan dengan acara Zumba di Dewan Sri Balau seawal jam 7 pagi dan diikuti oleh acara *Family Fun Run* yang bermula dan berakhir di tempat yang sama iaitu Dewan Sri Balau. Hari Keluarga seterusnya diteruskan lagi dengan acara Sukaneka Staf dan Keluarga (dalam kalangan anak-anak staf) yang bermula pada pukul 9 pagi.

Acara seterusnya iaitu Pertandingan Bola Tampar Berkumpulan dimulai pada jam 2 petang di Gelanggang Bola Tampar UiTM Kampus Mukah. Pertandingan ini tamat pada jam 5 petang. Acara kemuncak bagi Program Hari Keluarga ini merupakan majlis makan malam yang bermula dari pukul 7 malam dan berakhir pada jam 10 malam. Antara pengisian majlis makan malam tersebut adalah persembahan dari rumah-rumah sukan, pertandingan karaoke individu, cabutan hadiah bertuah dan penyampaian hadiah.

Kesimpulannya, program Hari Keluarga UiTM 2019 seperti ini diharapkan agar dapat dijalankan lagi pada tahun yang akan datang. Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan program ini. #kitaUiTM





UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Corporate Communications Unit

**Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak
Blok Pentadbiran, Kampus Samarahan 2
Jalan Datuk Mohd Musa
94300 Kota Samarahan
Sarawak, Malaysia**

Tel: 082 - 678 130 | Fax: 082 - 678 110

E-mail: corporate@uitm.edu.my

www.sarawak.uitm.edu.my

ISSN 2232-1578

